

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HSM 317 – Seminar Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia

[Masa: 3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja.

1. Sejauhmanakah dasar pembahagian dan identifikasi kaum dengan pekerjaan-pekerjaan tertentu merupakan faktor utama yang menjadikan pergerakan buruh tidak bersatupadu di Tanah Melayu sebelum Pendudukan Jepun?
2. Apakah isu-isu perburuhan yang mencetuskan mogok-mogok buruh China dan India di antara 1937 dan 1941?
3. Perjuangan buruh di Tanah Melayu adalah lebih bersifat politik, disiplin dan militan selepas Perang Dunia Kedua. Sejauhmanakah sifat-sifat ini berpunca daripada Pendudukan Jepun di Tanah Melayu?
4. Pihak kerajaan telah melaksanakan beberapa undang-undang perburuhan seperti Akta Kesatuan Sekerja 1946, Undang-undang Pencerobuhan, Keputusan Willan dan Akta Kesatuan Sekerja (pindaan) 1948 untuk membendung kegiatan kesatuan sekerja umum. Bincangkan implikasi-implikasi undang-undang itu kepada pergerakan buruh antara 1945 dan 1948.
5. Pada zaman Darurat dasar “Kesatuan Sekerja Baru” telah dilaksanakan oleh John Brazier, Penasihat Kesatuan Sekerja, untuk mengalakkan perkembangan pertubuhan buruh yang bersifat demokratik dan bebas daripada pengaruh komunis. Berdasarkan ayat pernyataan ini, bincangkan langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai objektif itu.
6. Menjelang tahun-tahun 1955-1957, kesatuan-kesatuan sekerja yang mewakili kepentingan buruh-buruh China telah diwujudkan semula. Mengapa?
7. Bincangkan implikasi-implikasi yang timbul daripada syarat-syarat utama yang termaktub dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959.

--oo000oo--